

22 MAY 2002

Keganasan-Perjanjian/I

PERJANJIAN ANTI KEGANASAN DENGAN KL, JAKARTA DIPERTIKAI

Manila 22 Mei (Bernama) -- Kesahihan perjanjian anti keganasan yang ditandatangani antara Filipina, Malaysia dan Indonesia baru-baru ini menimbulkan persoalan sama ada ia memerlukan pengesahan senat untuk menjadikannya sah di sisi undang-undang.

Anggota senat dari parti pembangkang membangkitkan perkara itu kerana berpendapat perjanjian yang dimeterai semasa lawatan Presiden Gloria Arroyo ke Kuala Lumpur pada 7 Mei itu akan membawa beban tanggungjawab kepada Filipina.

Ini termasuk mengadakan operasi keselamatan merentasi sempadan secara bersama, perkongsian maklumat risikan, latihan bersama tentera, pembekuan dana yang disyaki menjadi milik pengganas dan kerjasama dalam bentuk lain, kata mereka.

Perjanjian itu ditandatangani Menteri Luar Indonesia Hassan Wirajuda, Menteri Luar Malaysia Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Setiausaha Dalam Negeri Filipina Jose Lina Jr bertujuan mewujudkan rangka kerjasama dalam menangani hal-hal keselamatan dan sempadan, keganasan, lanun, perdagangan wanita dan kanak-kanak, jenayah merentasi sempadan dan kegiatan haram lain.

Upacara pemeteraian perjanjian yang dikenali sebagai "Pertukaran Maklumat dan Penubuhan Prosedur Komunikasi" itu telah disaksikan Aroyo dan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Anggota senat dari pembangkang berkata oleh kerana perjanjian itu membabitkan penguatkuasaan undang-undang dan agensi pasukan bersenjata, maka ia memerlukan tindakan kongres.

Bagaimanapun, Setiausaha Luar Teofisto Guingona menolak pendapat yang mengatakan perjanjian itu memerlukan pengesahan senat sebelum ia boleh dikuatkuasakan.

"Sekiranya tiada perubahan asas dari segi dasar, dan tiada perubahan undang-undang atau keperluan perlembagaan, ia tidak memerlukan pengesahan senat," katanya.

Beliau memberi reaksi itu selepas senat mengemukakan usul Isnin lepas agar satu siasatan dibuat terhadap perjanjian tiga penjuru itu.

Bagaimanapun, Guingona, yang juga Naib Presiden Filipina menyambut baik usul itu dengan berkata "para senator mempunyai tafsiran sendiri" tentang perjanjian berkenaan.

-- BERNAMA

ALJ AKT SP RON